

**SUKATAN PEPERIKSAAN TAHAP KECEKAPAN 3 (TK 3)
BAGI PEMBANTU PENERBITAN GRED N22
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Matlamat Sukatan Peperiksaan

1.1 Tahap Kecekapan 3 (TK 3)

- i. Berkemahiran mengaplikasi pengetahuan dalam pengendalian permohonan dan kelulusan iklan perubatan/kesihatan.
- ii. Berkemahiran mengaplikasi pengetahuan dalam pengendalian permohonan dan kelulusan iklan perkhidmatan perubatan/kesihatan.
- iii. Berkemahiran mengaplikasi pengetahuan berkaitan garis panduan yang berkaitan iklan perubatan/kesihatan atau perkhidmatan perubatan/kesihatan
- iv. Berupaya mengaplikasi aspek-aspek pemantauan iklan
- v. Berkemahiran mengaplikasi pengetahuan dalam melaksanakan bidang tugas jawatannya selaras dengan peraturan-peraturan dan prinsip yang telah ditetapkan.

2. Tujuan Peperiksaan

Untuk menguji kebolehan dan kecekapan pegawai sebagai salah satu syarat anjakan gaji.

3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan Ini

- 3.1 Pembantu Penerbitan gred N22 yang telah berada di gred berkenaan sekurang-kurangnya setahun.
- 3.2 Mendapat markah LNPT di tahap yang baik.
- 3.3 Diperakukan oleh Ketua Jabatan

4. Sukatan Peperiksaan

Bidang sukatan peperiksaan adalah merangkumi Kompetensi Generik dan Kompetensi Fungsional.

BAHAGIAN II

4.2 KOMPETENSI FUNGSIONAL

4.2.1 Pengetahuan tentang Akta dan Peraturan berkaitan

Berupaya mengaplikasi tentang :

- Perkara-perkara yang tidak dibenarkan dalam iklan.
- Ahli-ahli Lembaga Iklan Ubat
- Tindakan undang-undang yang boleh diambil

4.2.2 Pengurusan Perkhidmatan

Berupaya mengaplikasi tentang :

- Pengendalian permohonan iklan.
- Pengendalian kelulusan iklan.
- Pengurusan khidmat kaunter
- Pengurusan Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat

4.2.3 Pengurusan iklan

Berupaya mengaplikasi tentang :

- Penterjemahan iklan-iklan Bahasa Inggeris, Tamil dan Cina.
- Pemonitoran iklan di radio, televisyen dan laman web

BAHAN RUJUKAN

KOMPETENSI FUNGSIONAL

1. Medicine (Advertisement and Sale) Act 1956
2. Medicine Advertisement Board Regulations 1976
3. Guidelines on medical advertisements
4. Medicine Advertisement guideline for public information by private hospitals, clinics, radiological clinics and medical laboratories
5. Prosedur kerja iklan